


Pergerakan Watak Utama dalam Novel *Jejak Monpus*

Makalah kali ini tertumpu pada perbincangan tentang pergerakan watak utama dalam novel yang berlainan, khususnya untuk novel-novel yang dipelajari di tingkatan 2 pula mengikut zon yang ditetapkan. Novel yang dikaji berjudul *Jejak Monpus*, karya Zulaiha Paikon, terbitan Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd, 2015. Novel ini diguna pakai dan dikaji oleh murid-murid tingkatan 2 bagi zon pertama yang terdiri daripada negeri Melaka, Pahang, Kelantan dan Terengganu. Novel setebal 216 halaman ini mengandungi 19 bab. Kesemua bab digarap dengan baik, mudah, dan dipersembahkan secara teratur dan seimbang.

Seperti yang dijelaskan sebelum ini bahawa watak ialah pelaku yang memainkan peranan menggerakkan dan mengembangkan jalan cerita yang disampaikan oleh pengarang tidak kira sama ada watak itu terdiri daripada manusia mahupun binatang yang diberikan sifat manusia. Pergerakan watak utama novel ini juga berkait rapat dengan latar tempat yang berbeza mengikut kesesuaian jalan cerita yang disuguhkan oleh pengarang. Oleh itu, fokus perbincangan dalam makalah kali ini tertumpu pada pergerakan watak utama, Zahar bin Baharuddin, iaitu seorang penuntut jurusan Sains Hayat, Universiti Teknologi Malaysia. Beliau yang berusia 22 tahun merupakan anak tunggal kepada Qistina, seorang ibu tunggal (9 tahun menajanda) dan guru Bahasa Melayu di SMK Sri Yasin. Mahligai cintanya dengan Baharuddin (ayah Zahar) tidak bertahan lama lantaran Baharuddin beralih kasih. Sejak bercerai, Qistina dan anaknya tidak pernah menemui bekas suaminya yang dikatakan telah berhijrah ke London untuk meneruskan pengajian pada peringkat Doktor Falsafah bersama-sama isteri baharunya.

Sejak kecil Zahar memang gemar akan dunia haiwan yang terdiri daripada serangga termasuk Pus Pus, Hawk Mokh, Kuning Puca, Kumbang Babak, Merah. Beliau menerima Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk daripada Universiti Teknologi Malaysia sebagai pengiktirafan kepadanya kerana berjaya mencipta formula racun serangga parasit untuk ulat bungkus yang menyerang pokok sawit di Simpang Bunggus. Inovasi agen biologi itu merupakan hasil perkongsian ideanya dengan Profesor Dr. Zainal Samad, Dekan



Fakulti Sains Hayat. Anugerah lain yang pernah diraihnya termasuk anugerah pingat emas dan pingat perak ITEX, Anugerah Yayasan Sains Toray Malaysia, Anugerah Inovasi Negara, Langkawi Award dan Anugerah Medal Emas Penyelidikan (MPOB). Secara tidak langsung, dia telah banyak mengharumkan nama negara dengan menerbitkan hasil penyelidikannya dalam jurnal.

Judul novel *Jejak Monpus* ini amat tepat dengan jalan cerita yang memperlihatkan kegigihan seorang mahasiswa jurusan Sains Hayat yang begitu berminat dalam kajian berkaitan kehidupan serangga. Pada keseluruhannya, pengarang novel ini banyak menampilkan cerita dan peristiwa serangan ulat bulu yang berlaku di Kampung Maju Jaya. Selain itu, pengarang turut menampilkan watak-watak sampingan yang lain seperti Qistina Asraf atau Cikgu Qistina (ibu Zahar); Munirah dan Mawar (rakan sekuliah); Wak Buik (pawang); Tuk Munir (arwah datuk Wak Buik); Nek

Yah (nenek Wak Buik); Hasan (ayah Mawar); Profesor Dr. Zainal Samad (Dekan Fakulti Sains Hayat); Faridah (anak murid Qistina); Wak Sino (penjual mi udang); Ripin (pengagih dadah); Tauke Bank Hau (pemilik bot); Pak Naib (Ketua Kampung); Pak Ishak dan Siah (isteri), Manaf, Jusuh dan Ahmad (sebahagian daripada penduduk kampung); Pak Mail dan Mak Cik Jaemah (suami isteri); Pak Alias dan Mak Cik Habibah (suami isteri); Fikri (rakan sekuliah); Irdayana (isteri Baharuddin).

Antara lokasi yang menjadi latar tempat dalam novel ini termasuklah Tanjung Piai yang merupakan kawasan ekopelancongan yang terletak di antara kawasan perindustrian di selatan Semenanjung dengan Lebuhraya Gelang Patah yang menghubungkan Johor dengan Singapura, Kukup, Kem Kaizen di Hutan Simpang Gunung Pulau, Kampung Maju Jaya, dan Pulau Pisang dan SMK Sri Yasin.

Berikut disertakan contoh huraian peristiwa yang melibatkan pergerakan watak utamanya, Zahar dalam novel *Jejak Monpus* mengikut bab:

Bab	Pergerakan Watak Utama – Zahar bin Baharuddin
1	Penyelamat Pus Pus Sedang Zahar asyik melayan ulat dan serangga di makmalnya, ibunya memanggil Zahar untuk makan tengah hari. Zahar memberitahu ibunya bahawa dia akan ke Tanjung Piai masa cuti semester. Usai solat zuhur, Zahar menelaah buku berkaitan dengan larva khususnya spesies Pus Pus.
2	Hasrat Terpendam Zahar merenung pulau yang penuh misteri di hadapannya. Hatinya seolah-olah dilambai-lambai untuk menjajakkannya ke pulau tersebut. Lamunannya terhenti apabila Mawar, jiran semukim muncul di hadapannya. Zahar menyatakan hasratnya kepada Mawar untuk pergi ke Pulau Pisang suatu hari nanti untuk mencari spesies baharu. Sebelum pulang mereka sempat singgah di Toko Buku Sumber Ilmiah.
3	Dilanda Misteri Zahar menumpangkan ibunya, Qistina ke sekolah kerana keretanya masih di bengkel. Sebaik saja sampai di sekolah, anak muridnya Faridah menolong Qistina untuk mengangkat begnya. Dia kagum akan kecerdikan Faridah dan kalau boleh dia ingin mengambilnya sebagai anak angkat. Usai kelas tambahan, Qistina ingin mengetahui lelaki yang berjumpa dengan Faridah. Menurut Faridah, lelaki tersebut ialah pak cikinya, seorang Profesor Bioteknologi.
4	Kembara ke Tanjung Piai Pagi itu, Zahar teringat akan janjinya kepada Malcom Tua untuk pergi ke Taman Paya Bakau Tanjung Piai. Tidak lama selepas itu, Malcom menyusul. Zahar terlalu asyik memerhatikan keindahan kawasan sekitar dan mereka akhirnya dapat mengumpulkan spesies ulat bulu yang ditemui. Sebelum balik, mereka juga sempat menikmati mi udang Wak Sino di Kukup. Di rumah, Zahar terus ke makmalnya kerana tidak sabar-sabar untuk melakukan eksperimen terhadap spesies tersebut.
5	Meredah Hutan Kem Kaizen Penerangan Dr. Azura cukup merangsang ketegerjaan Zahar untuk mengembara bagi memulakan pencarian spesies baharu semasa Kursus Kembara Biologi Alam di Kem Kaizen. Ketika leka mengagumi ulat bulu yang ditemuinya tiba-tiba Zahar tergelincir terus jatuh ke dalam jurang. Zikri dan dua orang pemuda yang lalu di situ membantu Zahar naik ke tebing dan Fikri membawanya ke kem. Dr. Azura dan Mawar turut membantu Zahar sementara menunggu ketibaan Dr. Zakaria. Peristiwa hitam di Kem Kaizen berakhir dan mereka pulang ke rumah. Keesokannya, Malcom dan Fikri datang menziarahi Zahar sekali gus melihat spesies ulat bulunya.
6	Kejadian Misteri di Pulau Zahar mohon keizinan ibunya untuk meneruskan hasratnya ke Pulau Pisang bersama-sama Fikri dan Malcom. Qistina teringat semula kisah perceraianya dengan ayah Zahar, Baharuddin. Seketika kemudian muncul Fikri dan Malcom, dan selepas sarapan mereka bertiga bertolak ke Pulau Pisang. Selepas dua jam menaiki bot, mereka bertiga mendarat di Pulau Pisang dan disambut dengan keriuhan suara monyet dan kera. Zahar dan rakan-rakannya sudah masuk jauh ke dalam hutan dan kemudiannya mereka berpecah. Zahar menemukan ulat bulu yang besar tertonggok di depannya. Belum sempat dia mengambilnya tiba-tiba angin bertipu kencang dan ulat tersebut hilang tetapi terdapat pula ulat bulu bersaiz biasa dan unik. Fikri dan Malcom pula muncul di depannya.

7	Penemuan Baharu	Zahar begitu asyik dengan uji kajinya termasuk Monarch yang dijumpai di Pulau Pisang. Zahar telah berjaya mencantumkan tisu dua spesies ulat bulu. Hasil cantuman tisu Pus Pus dengan ulat bulu di Pulau Pisang melahirkan spesies baharu dikenali dengan nama "Morgan" yang sangat cantik dan unik. Peristiwa pelik yang berlaku di pulau itu masih mengganggu fikirannya.
8	Serangan Waktu Malam	Berita serangan ulat bulu menggemparkan penduduk di Kampung Maju Jaya. Zahar kebingungan apabila mendapati ulat bulu Morgan tiada di makmalnya. Ripin dan beberapa orang kampung menuduh Zaharlah sebagai puncanya. Qistina akan menghubungi pihak jabatan kesihatan untuk menyiasat kejadian tersebut. Pihak jabatan kesihatan dan polis datang untuk menyiasat. Zahar juga diarahkan pergi ke balai raya untuk menjawab beberapa persoalan dan tuduhan daripada orang kampung. Zahar menangkis segala tuduhan dan Pak Rahmat mencadangkan supaya diadakan solat hajat dan sebulat suara bersetuju.
9	Tercetus Perselisihan	Di Warung Pak Mail kecoh dengan berita serangan ulat bulu yang disiarkan dalam surat khabar. Munculnya Zahar di warung tersebut mencetuskan kemarahan Zipin dan berlakunya pergaduhan sehingga Ripin melibas dengan pisau lipat dan terkena bahu Zahar. Zahar rebah ke tanah dan Ripin melarikan dirinya. Qistina terus membawa Zahar ke klinik berdekatan.
10	Merisik Khabar	Mawar menziarahi Zahar di Hospital Pontian setelah beberapa hari Zahar tidak hadir kuliah. Setelah Zahar dibenarkan pulang, Mawar turut menemani Zahar di rumahnya pada petang itu. Zahar masih lagi tertanya-tanya akan punca serangan ulat bulu di kampungnya. Zahar berazam untuk menyelesaikan misteri serangan ulat bulu dan mencari penawar wabak tersebut.
11	Misteri Terjawab	Sehari suntuk Zahar melayari Internet untuk mencari punca misteri di kampungnya. Sebelum tidur, Zahar sempat memerhatikan pergerakan Morgan yang sering terbang keluar pada malam hari. Zahar sedar bahawa hobinya mengundang bencana kepada orang lain dan perlu menyekat Morgan daripada terbang bebas merangsang ulat berbintik hitam bermaharajalela. Zahar terus mengekori Morgan. Berita tentang serangan ulat bulu sering dipaparkan dalam akhbar harian.
12	Mangsa Baharu	Pak Alias dan Mak Cik Habibah amat terkejut kerana anak-anak kambing mereka menjadi mangsa baharu serangan ulat bulu pagi itu. Cerita tentang ulat bulu menyerang kambing Pak Alias semakin membangkitkan kebimbangan penduduk kampung.
13	Demam Perasaan	Setelah melihat sendiri kehidupan anak muridnya Umar, Qistina amat bersimpati dengan nasib yang menimpanya. Qistina risau akan masa depan Umar. Lebih malang lagi apabila Qistina mendapat tahu ayah Umar dirawat di hospital kerana diserang ulat bulu dan kambing Umar pula mati. Sudah lima kes serangan ulat bulu ke atas haiwan peliharaan penduduk kampung. Qistina juga bimbang akan keselamatan anaknya, Zahar.
14	Ke Pulau Lagi	Zahar memujuk Fikri untuk menemaninya ke Pulau Pisang. Zahar ingin mengambil daun untuk makanan Morgan yang semakin kecut. Fikri tidak sampai hati untuk menolaknya. Keesokan harinya, mereka ke Pulau Pisang dan akhirnya dapat berjumpa dengan daun yang dicari. Beberapa ekor ulat bulu yang mirip spesies Morgan sedang memakan daun-daun hijau.
15	Dendam Masih Membara	Kemarahan Ripin terhadap Zahar semakin meluap-luap kerana benih cambah sawitnya musnah diratah ulat bulu. Ripin menuju ke rumah Zahar untuk menuntut ganti rugi daripada Zahar. Dengan perasaan marah Ripin megerpa ke arah Zahar sehingga tercetusnya pergaduhan. Cerita tentang kejadian Ripin menyerang Zahar tersebar ke seluruh kampung. Berdasarkan maklumat terbaru daripada Fikri, Zahar semakin menemui jalan penyelesaiannya. Zahar akan berbuat sesuatu pada Morgan.

16	Misi Baharu	Sambil memikirkan punca serangan ulat bulu, Zahar terkenang kembali kisah ibu dan ayahnya yang sudah bercerai pada usianya 12 tahun ketika itu. Zahar masih terngiang-ngiang lagi saranan ibunya supaya dimusnahkan makmal Zahar. Zahar terus memerhatikan Morgan yang sedang mengerit-ngerit daun hijau dan malam itu juga Zahar menjalankan misinya.
17	Selamat Tinggal, Morgan	Pagi itu Zahar bergegas ke meja eksperimennya dan terus menyemburkan cecair biru hijau ke atas Morgan sambil mengucapkan selamat tinggal. Tiba-tiba dia dikejutkan dengan bunyi yang kuat di luar. Ketika Zahar keluar dari makmalnya, dia ternampak puntung rokok di luar makmalnya dan memikirkan kaitan bunyi benda jatuh yang didengarnya dengan puntung rokok tersebut, serta terus beredar ke bilik kuliah.
18	Tertewas	Selepas kuliah, Zahar terus balik bagi meneruskan usaha terakhir di makmalnya. Zahar mendapati bahan uji kaji dan buku formula yang mencatatkan butiran tentang eksperimennya hilang. Zahar berjumpa dengan Fikri dan mengesyaki ada orang menceroob makmalnya. Mereka balik semula ke makmal dan menjumpai resit Ripin yang tertinggal di situ. Keesokan harinya, mereka ke balai polis untuk membuat laporan tentang makmal Zahar diceroboh termasuk pengintipan di stor tapak semeian benih cambah sawit yang mencurigakan. Seminggu selepas laporan polis dibuat, Zahar dikejutkan dengan berita penangkapan Ripin tentang kegiatan haramnya. Berita paling menggembirakan Zahar, iaitu pihak polis menemui bahan penting Zahar yang dilaporkan hilang.
19	Pertemuan yang Tidak Terduga	Dengan berkat usaha Zahar, pihak Majlis Perbandaran Daerah Pontian dan Jabatan Kesihatan Pontian telah memulakan operasi Nyah Ulat Bulu. Racun serangga ciptaan Zahar, MONPUS mendapat pujian dan akan dikilangkan secara komersial. Ketika melancarkan produk MONPUS, harta intelek Zahar Baharuddin dan Anugerah Akademik Negara, Qistina nampak kelibat Baharuddin dan Faridah. Zahar diumumkan menerima Anugerah Biasiswa Kerusi Canselor yang disampaikan oleh ayahnya sendiri, Prof. Dr. Baharuddin, undangan khas majlis tersebut. Usai saja majlis anugerah tersebut, Prof. Dr. Baharuddin menghampiri Qistina sambil memperkenalkan isterinya, Irdayana. Dalam pertemuan yang tidak terduga, jela MONPUS bukan sahaja menyelamatkan nyawa, malah menghubungkan semula hubungan keluarga yang terputus selama 10 tahun.



Secara tuntas, setelah membaca kesemua bab yang terdapat dalam novel *Jejak Monpus*, jelas menunjukkan bahawa pergerakan watak utama dalam novel ini diperlihatkan oleh pengarangnya hampir dalam setiap bab.



Secara tuntas, setelah membaca kesemua bab yang terdapat dalam novel *Jejak Monpus*, jelas menunjukkan bahawa pergerakan watak utama dalam novel ini diperlihatkan oleh pengarangnya hampir dalam setiap bab. Oleh itu, dengan menyorot retentat peristiwa mengikut bab yang berkaitan dengan pergerakan watak utama, pembaca akan sentiasa dapat mengikuti plot atau jalan cerita yang berkaitan dengan perkembangan watak utama yang digambarkan oleh pengarangnya dalam novel tersebut. Lebih-lebih lagi novel ini memaparkan kisah kejayaan seorang mahasiswa tahun akhir Fakultas Sains Hayat yang menerima Anugerah Biasiswa Kerusi Canselor, sekali gus mewakili salah seorang pelajar Asia. Peristiwa yang paling menarik apabila Tuhan telah menakdirkan seorang bapa menyampaikan anugerah tersebut kepada anaknya setelah mereka terpisah sekian lama, selain dipertemukan semula dengan isteri yang diceraikannya. **23**